

Peringatan berkesan untuk yang beriman

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Oleh itu berilah peringatan (kepada umat manusia dengan ajaran al-Quran), kalau-kalau peringatan itu berguna (dan sudah tentu berguna), kerana orang yang takut (melanggar perintah Allah) akan menerima peringatan itu, dan (sebaliknya) orang yang sangat celaka akan menjauhinya, dialah orang yang akan menderita bakaran neraka yang amat besar (azab seksanya), selain dari itu, ia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup senang.* (al-A'la: 9-13)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

S HEIKH al-Maraghi berkata: "Sesudah Allah SWT menjanjikan anugerah yang besar kepada rasul-Nya, iaitu kemampuan menghafal al-Quran dengan tidak lupa sama sekali, lalu memerintahkan kepadanya agar memberi peringatan kepada hamba-Nya akan sesuatu yang bermanfaat untuk agama dan dunia mereka. Memperingatkan mereka akan kelalaian dan mengarahkan tujuan yang mengandungi kebajikan baginya.

"Kemudian memperjelaskan bahawa peringatan itu sekali-kali tidak akan mantap jika tidak ditunjukkan pada hati yang khushyuk yang takut kepada Allah

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-31)

SWT dan seksa-Nya. Sementara hati yang ingkar dan menentang, sedikitpun tidak akan berguna, kerana memandang randah kepada dirimu".

Firman Allah SWT: *Oleh itu berilah peringatan (kepada umat manusia dengan ajaran al-Quran), kalau-kalau peringatan itu berguna (dan sudah tentu berguna).*

Al-Mawardi berkata: Ada dua tafsiran iaitu al-Quran seperti pendapat Mujahid dan dengan Allah secara gemar atau takut. Inilah pendapat Ibn Syajah.

Firman Allah SWT: *kerana orang yang takut (melanggar perintah Allah) akan menerima peringatan itu.*

Syed Qutub berkata: Peringatan Allah itu selama-lamanya berguna. Di sana ada sahaja orang yang mahu mendapatkan manfaat daripadanya sama ada sedikit atau banyak.

Mana-mana generasi dan mana-mana bumi tidak akan sunyi daripada kelompok manusia yang ingin mendengar dan mengambil manfaat daripada peringatan itu, biarpun bagaimana rosaknya umat manusia dan biarpun keras dan berkaratnya hati mereka.

Apabila kita memerhatikan tertib ini di dalam ayat-ayat tadi, dapatlah kita mengetahui betapa besarnya agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Juga betapa agungnya amanah yang dipikul olehnya, iaitu amanah yang memerlukan kepada pengurniaan taufik kepada kemudahan, kepada pembacaan

al-Quran daripada Allah dan penghafalannya yang dijamin Allah agar dengan bekalan yang besar ini, Rasulullah SAW dapat melaksanakan tugas menyampaikan peringatan itu.

Firman Allah SWT: *Dan (sebaliknya) orang yang sangat celaka akan menjauhinya, dialah orang yang akan menderita bakaran neraka yang amat besar*

(azab seksanya).

Al-Maraghi berkata: Menurut hikmah Allah SWT adalah tidak patut menyamakan antara orang yang kurang ajar, melalaikan perintah-Nya dan berbuat dosa yang keji dengan orang yang bersih jiwanya, lurus tingkah lakunya, taat kepada perintah-Nya, menjalankan kewajipan-kewajipan dan menjauhi kemunggaran.



AL-QURAN menjadi hidayah, petunjuk serta membawa rahmat dan berita gembira bagi umat Islam. - Gambar hiasan